

KELESTARIAN KESIHATAN MENTAL KELUARGA: ANALISIS HADITH *KHAYR NISĀ'* DALAM *SUNAN SITTAH*

Rahim Kamarul Zaman

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
E-mel: *abdulrahimkz51@gmail.com*

Khairulnazrin Nasir

Jabatan al-Quran dan al-Hadith,
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
E-mel: *khairulnazrin19@gmail.com*

Abdul Azib Hussain

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah,
Universiti Malaysia Kelantan, Bachok
Emel: *azibhussain83@gmail.com*

Muhammad Adam Abd. Azid

Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia
E-mel: *adamsaifulislam@gmail.com*

Corresponding Author's Email: abdulrahimkz51@gmail.com

Article history:

Received : 15 April 2021

Accepted : 28 May 2021

Published : 31 October 2021

ABSTRAK

Kesihatan Mental merupakan sebahagian teras penting kesejahteraan institusi kekeluargaan. Dalam konteks berkenaan, keistimewaan dimiliki para ibu dan isteri diyakini berupaya mempengaruhi kesejahteraan dan kelestarian kesihatan mental institusi keluarga. Justeru itu, kajian ini bertujuan mengemukakan keperihalan wanita terbaik berdasarkan hadith-hadith *Khayr Nisā'* dalam *Sunan Sittah*. Maryam bintu 'Imrān RA dan Khadijah bintu Khuwaylid RA merupakan dua ikon muslimah yang dinobatkan dalam kompilasi hadith berkenaan. Kajian berbentuk aplikasi teori ini, digarap berasaskan metode kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan. Hasil kajian ini mendapati keperihalan *Khayr Nisā'* memaparkan teladan terbaik kaum wanita di samping keistimewaan yang dikurniakan kepada para ibu dan isteri dalam struktur institusi kekeluargaan. Kesimpulannya, kelestarian kesihatan mental keluarga adalah terjamin apabila kaum wanita memainkan peranan sewajarnya

sebagaimana teladan wanita terbaik dipaparkan dalam hadith-hadith *Khayr Nisā'*.

Kata Kunci: Kelestarian, Kesehatan Mental, Keluarga, *Khayr Nisā'*, *Sunan Sittah*.

THE SUSTAINABILITY OF FAMILY MENTAL HEALTH: ANALYSIS OF HADITH KHAYR NISĀ' IN SUNAN SITTAH

ABSTRACT

Mental health is an important core part of the well-being of the family institution. In that context, the privileges possessed by mothers and wives are believed to affect the well-being and maintain the mental health of family institutions. Therefore, this study aims to present the best description of women based on the hadiths of Khayr Nisā' in Sunan Sittah. Maryam bintu 'Imrān RA and Khadījah bintu Khuwailid RA are two Muslim icons who were crowned in the compilation of the hadith. The study takes the form of application of this theory, based on qualitative methods using content analysis approach. The results of this study found that Khayr Nisā's description displays the best example of women in addition to the privileges bestowed on mothers and wives in the structure of family institutions. In conclusion, maintaining the mental health of the family is guaranteed when women play their due role as the best female role models are displayed in the hadiths of Khayr Nisā'.

Keywords: Sustainability, Mental Health, Family, *Khayr Nisā'*, *Sunan Sittah*

PENGENALAN

Era kemodenan, cabaran globalisasi, revolusi industri dan terkini tekanan pandemik sejagat diakui mendatangkan impak terhadap kestabilan institusi kekeluargaan pada ketika ini. Situasi berkenaan berupaya mengundang keresahan, ketegangan dan tekanan terhadap kesihatan mental atau fizikal anggota keluarga. Justeru, isu kelestarian kesihatan mental dan kesejahteraan psikologi sejagat sering dibicarakan pasca kemunculan pandemik covid-19.

Pada asasnya, konsep kesejahteraan psikologi dan kelestarian kesihatan mental merupakan sesuatu yang bersifat multidimensi (Diener et. al. 2010; Forgeard, M. J., et. al. 2011). Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO 2001; Huppert, F.A. 2009), konsep kesihatan mental merangkumi kesejahteraan subjektif, keberkesanan diri yang dirasakan, autonomi, kecekapan, pergantungan antara generasi, aktualisasi diri dan potensi intelektual dan emosi seseorang dalam kalangan masyarakat.

Sehubungan dengan itu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO 2018) turut menyatakan, kesihatan mental adalah keadaan kesejahteraan di mana

seseorang individu menyadari kebolehan sendiri, bersemangat, dapat mengatasi tekanan hidup yang normal, dapat bekerja dengan produktif dan dapat memberikan sumbangan kepada masyarakatnya (Galderisi, S., et. al. 2015). Sementara itu, kesihatan mental turut didefinisikan sebagai kemampuan individu, kelompok dan persekitaran berinteraksi antara satu sama lain bagi mempromosi kesejahteraan subjektif serta fungsi yang optima dan penggunaan kognitif, efektif dan perhubungan ke arah pencapaian matlamat individu dan kumpulan yang selari dengan keadilan (Dasar Kesihatan Mental Negara 2012).

Antara lain, kriteria utama yang menjadi indikator kesejahteraan psikologi dan kesihatan mental individu adalah emosi positif dan kepuasan terhadap kualiti kehidupan seperti kekeluargaan dan pekerjaan (Diener et. al. 2010; Forgeard, M. J., et. al. 2011). Oleh demikian, promosi, perlindungan dan pemulihan kesihatan mental merupakan perkara penting yang perlu diberikan perhatian oleh setiap individu dan masyarakat seluruh dunia (WHO 2018). Menurut Kobau, R et. al. (2011) kestabilan psikologi merupakan asas penting dalam memelihara kesihatan mental. Justeru, kelemahan dalam mengimbangi kestabilan psikologi akan menjejaskan kelestarian kesihatan mental (Keyes, C. L., & Waterman, M. B., 2003; Kim, Y. H., 2003).

Dalam membicarakan aspek kesejahteraan keluarga, kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN, 2011) mendapati indeks kesejahteraan keluarga mencatatkan skor 7.55. Manakala indeks kesihatan keluarga meliputi aspek fizikal dan mental mencatatkan skor 7.38. Terkini, kajian Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia melaporkan interpretasi Kesejahteraan Psikologi Malaysia pada suku pertama 2021 menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi rakyat Malaysia berada di tahap sederhana dengan skor keseluruhan 7.2 (Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia 2021).

Berdasarkan realiti cabaran semasa, kemerosotan skor tahap kesejahteraan dan kesihatan mental keluarga atau rakyat Malaysia memerlukan usaha komprehensif bagi memulihkan kelestarian kualitinya. Kajian Beavers dan Hampson (1990) menggariskan asas kesejahteraan psikologi sesebuah keluarga amat bergantung kepada kompetensi sokongan sosial yang terbina melalui interaksi interpersonal di dalamnya. Kajian Tilly, L. & Scott, J. W. (1989) menyatakan para ibu dan isteri mempunyai keupayaan penting membekalkan sokongan sosial dalam institusi kekeluargaan. Bahkan, wanita turut memiliki kelebihan berperanan dalam mengimbangi tekanan yang dihadapi keluarga (Baruch, G. K., Biener, L., & Barnett, R. C., 1987).

Sehubungan dengan itu, kajian ini cuba mengemukakan model dan konsep *Khayr Nisā'* sebagai kaedah sokongan sosial institusi keluarga yang berupaya mengukuhkan kelestarian kesihatan mental keluarga. Konsep *Khayr Nisā'* ini jelas merupakan apresiasi terhadap kepentingan dan keistimewaan golongan wanita, khususnya para ibu dan isteri dalam memelihara kesejahteraan institusi keluarga. Keperihalhan *Khayr Nisā'* ini terkandung dalam 11 riwayat hadith dalam *Sunan Sittah*. Kompilasi hadith berkenaan dimuatkan dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim* dan *Sunan al-Tirmidhī* meliputi 6 *kitāb* dan 8 *bāb* berasingan.

Oleh demikian, kajian ini membincangkan kompilasi hadith *Khayr Nisā'* sebagai konsep dan model pemantapan kelestarian kesihatan mental keluarga. Hasil kajian ini juga selaras dengan gagasan Dasar Wanita Negara (1989) dan objektif utama Rancangan Malaysia ke-6 (1991-1995).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini hanya menumpukan perbincangan tentang fungsi *Khayr Nisā'* (Wanita Terbaik) dalam menjamin kelestarian kesihatan mental institusi keluarga. Metode pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan metode perpustakaan, iaitu rujukan tertumpu kepada artikel jurnal, tesis, buku, prosiding, akhbar dan seumpamanya. Data dan maklumat tentang *Khayr Nisā'* diperolehi menerusi penelitian terhadap *shurūh al-ḥadīth* bagi *Sunan Sittah*. Manakala data berkaitan konsep kesihatan mental keluarga adalah berdasarkan sumber-sumber ilmiah yang berkaitan.

Secara khusus, hanya hadith-hadith yang mengandungi kalimah *Khayr Nisā'* secara langsung sahaja menjadi fokus kajian. Untuk tujuan ini, analisis tekstual dijalankan secara deskriptif berasaskan metode kualitatif. Pada akhir kajian, pengkaji memaparkan beberapa panduan yang berupaya menjamin kelestarian kesihatan mental keluarga berdasarkan teladan *Khayr Nisā'* dalam *Sunan Sittah*. Panduan berkenaan sesuai diaplikasi oleh kaum wanita bergelar ibu atau isteri tanpa mengira bangsa atau agama. Kajian turut mendapati, khazanah keilmuan Islam berhubung aspek pemeliharaan kelestarian kesihatan mental adalah amat signifikan.

Kompilasi Hadith *Khayr Nisā'* Dalam *Sunan Sittah*

Sorotan terhadap keperihalan *Khayr Nisā'*, khususnya *Ummu al-Mu'minīn* Khadījah binti Khuwaylid RA dan Maryam binti 'Imrān RA jelas memaparkan teladan terbaik dalam menjamin kelestarian kesihatan mental sesebuah keluarga. Justeru, penelitian terhadap kompilasi hadith membicarakan konsep *Khayr Nisā'* dalam *Sunan Sittah* perlu dibahaskan secara komprehensif.

Dalam konteks berkenaan, terdapat sebanyak 11 hadith *Khayr Nisā'* telah diriwayatkan dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim* dan *Sunan al-Tirmidhī*. Sementara itu, *Sunan Abū Dāwūd*, *al-Nasa'ī* dan *Ibn Mājah* didapati tidak memuatkan hadith berkenaan. Secara keseluruhannya, kompilasi hadith berkenaan terkandung dalam enam *kitāb* dan lapan *bāb* berasingan sebagaimana jadual 1.

Jadual 1: Taburan Hadith Membicarakan *Khayr Nisā'* Dalam *Sunan Sittah*

Bil	<i>Ṣaḥīḥ / Sunan</i>	Kitāb	Bāb	No. Hadith	Skop Hadith	Jumlah Riwayat
1	<i>Ṣaḥīḥ al-Bukhārī</i>	<i>Aḥādīth al-Anbiyā'</i>	{ <i>Wa idh Qālat al-Malā'ikah Yā Maryam Inna</i>	3432	Maryam Bint 'Imrān RA	1

			<i>Allah Iṣṭafāk...}</i> <i>Āli 'Imrān: 43</i>		dan Khadījah Bint Khuwaylid adalah wanita terbaik.	
			<i>Qawlih Ta'ālā</i> <i>{Idh Qālat al-</i> <i>Malā'ikah Yā</i> <i>Maryam...}</i> <i>Āli</i> <i>'Imrān: 45</i>	3434	Wanita terbaik daripada Kaum Quraysh	1
		<i>Manāqib</i> <i>al-Anṣār</i>	<i>Tazwīj al-Nabī</i> <i>Ṣalla Allah</i> <i>'Alayhi wa</i> <i>sallam Khadījah</i> <i>wa Faḍlihā</i> <i>Raḍiyallahu</i> <i>'Anhā</i>	3815	Maryam Bint 'Imrān RA dan Khadījah Bint Khuwaylid adalah wanita terbaik.	1
		<i>al-Nikāḥ</i>	<i>Ilā Man Yankih,</i> <i>wa Ayyu al-Nisā'</i> <i>Khayr, wa Mā</i> <i>Yustahab An</i> <i>Yatakhayyar</i> <i>Linuṭfih Min</i> <i>Ghayr Ijāb</i>	5082	Wanita terbaik daripada Kaum Quraysh	1
		<i>al-</i> <i>Nafaqāt</i>	<i>Hifẓ al-Mar'ah</i> <i>Zawjahā fī Dhāt</i> <i>Yadih wa al-</i> <i>Nafaqah</i>	5365		1
2	<i>Ṣaḥīḥ</i> <i>Muslim</i>	<i>Faḍā'il</i> <i>al-</i> <i>Ṣaḥābah</i>	<i>Faḍā'il Khadījah</i> <i>Umm al-</i> <i>Mu'minīn</i> <i>Raḍiya Allah</i> <i>Ta'āla 'Anhā</i>	2430	Maryam Bint 'Imrān RA dan Khadījah Bint Khuwaylid adalah wanita terbaik.	1
			<i>Min Faḍā'il</i> <i>Nisā' Quraysh</i>	2527	Wanita terbaik daripada	4

					Kaum Quraysh	
3	<i>Sunan al-Tirmidhī</i>	<i>Abwāb al-Manāqib</i>	<i>Faḍl Khadījah Raḍiya ‘Anhā</i>	3877	Maryam Bint ‘Imrān RA dan Khadījah Bint Khuwaylid adalah wanita terbaik.	1
4	<i>Sunan Abū Dāwūd</i>					
5	<i>Sunan al-Nasa’i</i>					
6	<i>Sunan Ibn Mājah</i>					
Jumlah Hadith						11

Sumber: Analisis Pengkaji

Merujuk Jadual 1, kompilasi 11 riwayat hadith berkenaan didapati tertumpu kepada dua skop perbincangan sahaja. Sebanyak tujuh riwayat memperihalkan tentang sifat wanita terbaik daripada kalangan kaum Quraysh. Manakala empat riwayat selebihnya membicarakan ketokohan *Ummu al-Mu‘minīn* Khadījah binti Khuwaylid RA dan Maryam binti ‘Imrān RA.

Daripada jumlah tersebut, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* memuatkan sebanyak tiga hadith berhubung sifat wanita terbaik daripada kalangan kaum Quraysh melalui jalur riwayat Sa‘īd bin al-Musayyab daripada Abū Hurayrah (no. hadith: 3434) dan dua riwayat al-‘Arāj daripada Abū Hurayrah (no. hadith: 5082 & 5365). Selebihnya, *Ṣaḥīḥ Muslim* memuatkan sebanyak empat hadith dalam skop yang sama dengan satu riwayat Abī Ṭāwus daripada Abū Hurayrah RA, dua riwayat Sa‘īd bin al-Musayyab daripada Abū Hurayrah RA dan riwayat Hammām bin Munabbih daripada Abū Hurayrah RA.

Sementara itu, hadith mengenai ketokohan Khadījah binti Khuwaylid RA dan Maryam binti ‘Imrān RA telah dimuatkan dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dengan dua riwayat ‘Abdillah bin Ja‘afar daripada ‘Alī bin Abī Ṭālib RA (no. hadith: 3432 & 3815). Malah, riwayat yang sama turut dimuatkan dalam *Ṣaḥīḥ Muslim* (no. hadith: 2430) dan *Sunan al-Tirmidhī* (no. hadith: 3877).

Khadijah RA Dan Maryam RA Ikon *Khayr Nisā'*

Dalam memahami maksud *Khayr Nisā'* berdasarkan hadith keperihalan ketokohan Khadijah binti Khuwaylid RA dan Maryam binti 'Imrān RA, hadith utama yang sesuai menjadi wacana adalah hadith diriwayatkan al-Bukhārī melalui jalur riwayat 'Abdillah bin Ja'afar daripada 'Alī RA;

يَقُولُ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَقُولُ: «خَيْرُ نِسَائِهَا
مَرْيَمُ ابْنَةُ عِمْرَانَ، وَخَيْرُ نِسَائِهَا خَدِيجَةُ

Terjemahan: "...Berkata 'Alī RA: Beliau telah mendengar Nabi SAW bersabda: "Sebaik-baik wanita adalah Maryam binti 'Imrān (ketika zamannya), dan sebaik-baik wanita adalah Khadijah (ketika zamannya)"

Hadith riwayat al-Bukhari. Lihat Muḥammad bin Ismā'īl Abu Abdullah al-Bukhari (*Sahīh al-Bukhārī, Kitāb Aḥādīth al-Anbiyā', Bāb Qawl Allah Ta'ālā Wadhkur Fi al-Kitāb Maryam Idh Intabadhat Min Ahlihā Makāna Sharqiyyā*, no. hadith: 3432 dan 3815).

Pada asasnya, al-Qaṣṭalānī (1905, 5: 407) menjelaskan hadith ini adalah keterangan bagi surah (Ālī-'Imrān, 3: 42-43), di mana Allah SWT telah memilih Maryam bintu 'Imrān RA untuk mengandungkan Nabi 'Isā AS tanpa bapa. Menurut al-Nawawī (1972, 5: 407) hadith ini memaparkan pengiktirafan Rasulullah SAW terhadap Maryam RA dan Khadijah RA sebagai sebaik-baik wanita di dunia ini pada zaman kedua-duanya. Al-'Aynī (t.th, 16: 24) menjelaskan maksud hadith tersebut adalah Maryam RA merupakan sebaik-baik wanita bani Israel, manakala Khadijah RA adalah sebaik-baik wanita Arab.

Sementara itu, Ibn 'Asākir (1985, 1: 52) menyatakan sebaik-baik wanita yang dimaksudkan hadith adalah meliputi keseluruhan wanita di alam ini. Mūsā Shahīn (2002, 9: 374) pula menyatakan tahap kemuliaan Maryam RA dan Khadijah RA adalah setaraf, bahkan kemuliaan tersebut meliputi keseluruhan sifat mereka.

Secara khusus al-Qurṭūbī (1964, 6: 21) menjelaskan Maryam RA merupakan seorang mukmin yang tekun beribadah, dibesarkan dalam keluarga Nabi Zakariyyā selepas bapanya meninggal dunia. Kemuliaannya tiada bandingan, sehingga tiada wanita selain beliau yang diabadikan secara khusus satu surah sempena namanya. Kesucian, kehormatan dan pengorbanan beliau saat mengandung, membesarkan dan mempertahankan Nabi 'Isā AS turut diabadikan dalam surah al-Taḥrīm: 12 dan al-Mā'idah: 75.

Khadijah binti Khuwaylid RA pula jelas memiliki kelebihan dan keistimewaan sebagai individu pertama beriman kepada Rasulullah SAW. (al-Dhahabī, 2: 109; Ibnu 'Asākir, 1:38 & 49; al-Qārī, 9: 3990). Sebelum kedatangan Islam, Khadijah RA terkenal dengan gelaran *al-Ṭāhirah* yang

bermaksud wanita yang suci (al-Dhahabī, 1985: 194). Khadījah RA adalah wanita pertama dinikahi Rasulullah SAW dan baginda SAW hanya menikahi *Ummu al-Mu'minīn* yang lain selepas kewafatan Khadījah RA (al-Kalābādhī, 1987: 836). Selain itu, kesemua anak Rasulullah SAW diperolehi melalui Khadījah RA kecuali Ibrāhīm yang merupakan anak kepada *Ummu al-Mu'minīn* Māriyah al-Qibṭiyyah RA (al-Dhahabī, 1985: 63).

Setelah kewafatan Khadījah RA, Rasulullah SAW sentiasa memuji dan memohon keampunan ke atasnya sehingga menimbulkan kecemburuan 'Āishah RA terhadapnya (Ibn 'Asākir, 1: 59; al-Shāmī, 11: 155). Hal ini telah diriwayatkan al-Bukhārī daripada 'Āishah RA;

"مَا غَرْتُ عَلَى أَحَدٍ مِنْ نِسَاءِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، مَا
غَرْتُ عَلَى خَدِيجَةَ، وَمَا رَأَيْتُهَا، وَلَكِنْ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُكْتَرُ ذِكْرَهَا، وَرُبَّمَا ذَبَحَ الشَّاةَ ثُمَّ يَقَطُّعُهَا أَغْضَاءً،
ثُمَّ يَبْعُثُهَا فِي صَدَائِقِ خَدِيجَةَ، فَرُبَّمَا قُلْتُ لَهُ: كَأَنَّهُ لَمْ يَكُنْ فِي
الدُّنْيَا امْرَأَةً إِلَّا خَدِيجَةَ، فَيَقُولُ "إِنَّهَا كَانَتْ، وَكَانَتْ، وَكَانَ لِي
مِنْهَا وَلَدٌ"

Terjemahan: "Tidaklah aku cemburu terhadap isteri-isteri Nabi SAW sebagaimana kecemburuanku terhadap Khadījah RA. Padahal aku tidak pernah melihatnya. Namun disebabkan, Baginda SAW sering menyebutnya (memuji dan menyanjungnya) dan menyembelih kambing, memotong bahagian-bahagiannya, kemudian dikirimkan kepada teman-teman Khadījah RA. Suatu ketika, aku berkata kepada Rasulullah SAW: "Seolah-olah di dunia ini tiada wanita selain Khadījah RA? Lantas Nabi SAW menjawab: "Khadījah itu begini dan begitu, dan darinyalah aku memperoleh anak"

Hadith riwayat al-Bukhari. Lihat Muḥammad bin Ismā'īl Abu Abdullah al-Bukhari (*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb Manāqib al-Anṣār, Bāb Tazwīj al-Nabī Ṣalla Allah 'Alayhi wa Sallam Khadījah wa Faḍlihā Raḍiya Allahu 'Anhā*, no. Hadith: 3818)

Menurut al-Anṣārī (2005, 7: 120) lafaz "begini dan begitu" sebagaimana dinyatakan hadith adalah merujuk kepada keperibadian Khadījah RA yang mulia, bijaksana dan bertakwa. Al-'Aynī (t.th, 16: 280) menjelaskan mafhum kalimah tersebut merujuk kepada perihal kerajinan dan ketakwaan Khadījah RA. Secara keseluruhannya, al-Kūrānī (2008, 7: 32) menyatakan lafaz tersebut adalah kiasan ketinggian keperibadian mulia dimiliki Khadījah RA. Justeru, adalah tidak menghairankan 'Āishah RA amat mencemburui keperibadian Khadījah RA.

Secara keseluruhannya, personaliti Maryam bintu 'Imrān RA dan Khadījah bintu Khuwaylid RA yang memungkinkan mereka mengurus dan menjamin kesejahteraan keluarga diperolehi melalui kekuatan ketakwaan kepada Allah SWT. Hanya dengan rahmat dan pertolongan Allah SWT sahaja, para wanita mampu menyumbang melestarikan kesihatan mental keluarga.

Keperihalhan *Khayr Nisā'* Dalam Kalangan Wanita Quraysh

Berdasarkan Jadual 1, sebanyak tujuh riwayat hadith telah memperihalkan sifat *Khayr Nisā'* dalam kalangan wanita Quraysh. Sebagai contoh utama, hadith yang diriwayatkan al-Bukhārī melalui jalur Sa'īd bin al-Musayyab daripada Abu Hurayrah RA, sabda Rasulullah SAW;

"نِسَاءُ قُرَيْشٍ خَيْرُ نِسَاءِ رَكْبِنَ الْإِبِلِ، أَحْنَاهُ عَلَى طِفْلِ،
وَأَرْعَاهُ عَلَى رَوْحٍ فِي ذَاتِ يَدِهِ" يَقُولُ أَبُو هُرَيْرَةَ عَلَى إِثْرِ
ذَلِكَ: وَلَمْ تَرْكَبْ مَرْيَمُ بِنْتُ عِمْرَانَ بَعِيرًا قَطُّ

Terjemahan: "Sebaik-baik wanita Quraysh adalah wanita yang paling baik mengenderai unta, paling penyayang kepada anaknya dan paling memelihara hak suaminya (iaitu terhadap harta yang dimilikinya). Abu Hurayrah RA berkata: "Maksudnya adalah pada zaman sekarang. Dan Maryam bintu 'Imrān tidak pernah sekalipun menunggang unta"

Hadith riwayat al-Bukhārī. Lihat Muḥammad bin Ismā'īl Abu Abdullah al-Bukhari (*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb Aḥādīth al-Anbiyā', Bāb Qawlih Ta'ālā {Idh Qālat al-Malā'ikah Yā Maryam...} Āli 'Imrān: 45, no. hadith: 3434).*

Hadith ini menyifatkan *khayr nisā'* adalah wanita yang berupaya mengenderai unta, memiliki perasaan kasihan belas terhadap anak dengan memberikan didikan yang baik dan mampu menjaga, mengurus harta dan amanat suami dengan baik serta mengelakkan pembaziran dalam berinfak. Adapun keistimewaan dan kelebihan Maryam bintu 'Imrān RA tidak termasuk dalam kategori wanita yang dinyatakan hadith. Sebaliknya Khadījah RA, Fāṭimah RA dan wanita Quraysh yang lain berada pada zaman yang memerlukan kualiti berkenaan (al-Qaṣṭalānī 1905, 5:409; al-'Aynī t.th, 16:26; al-Kirmānī 1981, 14:78).

Sementara itu, dalam memperihalkan sifat *khayr nisā'* dalam kalangan wanita Quraysh, hadith diriwayatkan Muslim melalui jalur Abī Tāwus daripada Abū Hurayrah RA menghususkan sifat penyayang dan kasihan belas terhadap anak merujuk kepada anak yatim saat usia masih kecil. Sabda Rasulullah SAW;

"... نِسَاءُ قُرَيْشٍ أَحْنَاهُ عَلَى يَتِيمٍ فِي صِغَرِهِ، ..."

Terjemahan: "...*Wanita Quraysh adalah paling penyayang terhadap anaknya yang (setelah) yatim ketika usianya (masih) kecil...*".

Hadith riwayat Muslim. Lihat Muslim bin al-Ḥajjāj al-Naysabūrī (*Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb Faḍā'il al-Ṣaḥābah, Bāb Min Faḍā'il Nisā' Quraysh*, no. hadith: 2527)

Menurut al-Qāḍī 'Iyāḍ (1998, 7:565) hadith ini merupakan sanjungan Rasulullah SAW terhadap keperihalan Ummu Hānī' RA menolak pinangan Rasulullah SAW dengan beralasankan usianya yang telah lanjut di samping komitmen penjagaan anak-anaknya yang masih kecil (Mūsā Shahīn 2002, 9:567; Abū al-Ḥusayn al-Naysabūrī 1999, 4:156). Riwayat ini turut dinyatakan al-Kirmānī (1981, 14:78) ketika menghuraikan hadith *Khayr Nisā'* yang diriwayatkan al-Bukhārī melalui jalur Sa'īd bin al-Musayyab daripada Abu Hurayrah RA.

Kesimpulannya, perumpamaan sifat *khayr nisā'* merujuk kepada wanita Quraysh adalah bersesuaian kehebatan wanita Qurasyh berbanding para wanita lain pada zaman Rasulullah SAW. Teladan yang dipaparkan mereka pada ketika itu menunjukkan kualiti kefungsi dan tanggungjawab terhadap keluarga.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan syariat Islam, kedudukan wanita dalam struktur kekeluargaan adalah sangat penting. Allah SWT turut memuliakan wanita seumpama kaum lelaki dalam konteks ketaatan dan ketakwaan. Kaum wanita juga dikurniakan rahmat dan pengampunan setaraf kurniaan Allah SWT kepada kaum lelaki. Hal ini dinyatakan secara jelas dalam surah al-Aḥzāb, 33: 35. Menurut al-Baghawī (2000, 3: 639) dan al-Ṭabarī (2000, 20: 269) ayat ini diturunkan bagi menghilangkan kebimbangan *Ummahāt al-Mu'minīn* tentang tahap penerimaan Allah SWT terhadap amal ketaatan yang dilakukan kaum wanita. Menurut al-S'ādī (2000, 25: 168), surah al-Aḥzāb, 33: 35, membuktikan perintah dan larangan Allah SWT adalah sama di antara kaum lelaki dan wanita. Al-Zuhaylī (1998, 22: 15) menyatakan persamaan taraf di antara lelaki dan wanita turut meliputi keseluruhan aspek yang berkait dengan ganjaran akhirat.

Pada sudut lain, syariat Islam lebih memuliakan wanita berbanding lelaki berdasarkan tahap pengorbanan mereka yang tinggi dalam struktur kekeluargaan. Abū Hurayrah RA telah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW telah memuliakan para ibu sebagaimana hadith berikut;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَنْ أَحَقُّ النَّاسِ بِحُسْنِ صَحَابَتِي؟ قَالَ: "أُمُّكَ" قَالَ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: "ثُمَّ

أُمُّكَ " قَالَ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: "ثُمَّ أُمَّكَ" قَالَ: ثُمَّ مَنْ؟ قَالَ: "ثُمَّ
أَبُوكَ"

Terjemahan: Daripada Abu Hurairah RA berkata, “Seorang lelaki datang kepada Rasulullah saw “Wahai Rasulullah, siapakah orang yang paling patut saya perlakukan dengan baik?” Baginda menjawab, “Ibumu”. Kemudian dia bertanya “Siapa lagi?” Jawab Rasulullah SAW “Ibumu,”. Dia bertanya lagi “Kemudian siapa?” Jawab baginda “Ibumu,”. Dia bertanya lagi “kemudian siapa?” baginda menjawab, “Kemudian ayahmu.”

Hadith riwayat al-Bukhari. Lihat Muḥammad bin Ismā‘īl Abu Abdullah al-Bukhari (*Sahīh al-Bukhārī, Kitāb al-Adab, Bāb Man Aḥaqqu al-Nās bi Ḥusni al-Ṣuḥbah*, no. hadīth: 5971).

Hadith ini menggambarkan kemuliaan kedudukan kaum ibu dalam struktur kekeluargaan di sisi Allah SWT. Menurut Ibn Baṭṭāl (2003, 9: 189) kemuliaan kaum ibu adalah tiga kali ganda lebih tinggi berbanding bapa kerana tiga bentuk kesusahan yang hanya dialami mereka. Kesusahan tersebut dihadapi sepanjang tempoh mengandung, melahirkan anak dan proses penyusuan. Justeru, al-Nawawī (1972, 16: 102) menukilkan pandangan al-Muḥāsibī yang menyatakan para ulama sepakat mengatakan seorang anak lebih utama berbuat kebajikan kepada ibunya berbanding bapanya. Hal demikian kerana para ibu memiliki jasa asuhan dan didikan yang sangat besar di peringkat perkembangan awal anak-anak.

Sehubungan dengan itu, al-Shaybāni (1997, 6: 449) menjelaskan wanita diciptakan mempunyai kelebihan kekuatan psikologi yang tidak dimiliki kaum lelaki. Kelebihan tersebut amat penting dalam membentuk dan mencorak suasana kehidupan sesebuah keluarga. Melalui kelebihan berkenaan, kelestarian kesihatan mental keluarga lebih terjamin.

Dalam membicarakan persoalan keupayaan psikologi yang dimiliki wanita, McGoldrick, M., Anderson, C. M., & Walsh, F. (1991) mendapati fitrah kejadian wanita mampu berfungsi sebagai suatu bentuk terapi dalam sesebuah keluarga. Dengan itu, kedudukan wanita dalam struktur kekeluargaan terbukti amat mempengaruhi kestabilannya (Curimbaba, F: 2002). Sebagai contoh, kajian O'Brien, K. M. (1996) membuktikan bimbingan kaum ibu berupaya meningkatkan potensi dan menstabilkan psikologi anak di samping keseluruhan struktur kekeluargaan.

Merujuk laporan (LPPKN, 2011) dan Dasar Wanita Negara (1989), pemerksaan wanita dalam aspek kesihatan dan pemberdayaan wanita dalam pengurusan kekeluargaan merupakan sebahagian matlamat yang menjadi keutamaan negara. Justeru kajian apresiasi terhadap ketokohan *Ummu al-Mu'minīn* Khadījah RA yang dikemukakan kajian ini merupakan sebahagian usaha ke arah meningkatkan kefahaman umat Islam dan memperkasakan kemahiran pengurusan psikologi kekeluargaan menurut perspektif Islam.

Institusi Keluarga Dan Kesehatan Mental

Secara etimologi, keluarga boleh didefinisikan dengan beberapa aspek. Ibn Manzūr (1994, 1: 665) mendefinisikan keluarga adalah individu yang mempunyai pertalian yang dekat secara nasab dan ikatan kasih sayang. Al-Biqā'ī (2003, 2: 218) pula menjelaskan keluarga adalah kerabat yang menyebabkan terjadinya hukum waris.

Al-Qurtubī (1964, 2: 14) pula mendefinisikan maksud kalimah *al-Qurbā* dalam Surah al-Baqarah, 3: 83, adalah kerabat terdekat iaitu keluarga, yang dianjurkan supaya sering bersilaturahmi atau berbuat baik kepada mereka. Pemahaman ini, adalah kerana kalimah tersebut digandingkan dengan perintah berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Selain kalimah *al-Qurbā*, wacana mengenai keluarga dalam al-Quran didapati turut menggunakan kalimah yang beragam seperti *al-Ahl*, *al-Raht* dan *Ashīrah*.

Menurut Puspitawati (2013), keluarga boleh didefinisikan sebagai unit sosio-ekonomi terkecil dalam masyarakat yang menjadi asas bagi kesemua institusi yang lain. Ia juga boleh difahami sebagai kelompok primer yang terdiri daripada dua atau lebih orang, mempunyai jaringan interaksi interpersonal, hubungan darah, hubungan perkahwinan dan hubungan yang terjalin melalui proses adopsi, seperti pengambilan anak angkat.

Kekeluargaan pula merupakan istilah yang merujuk kepada hal mengenai keluarga atau perihal berkaitan hubungan sebagai anggota di dalam sesuatu keluarga (Kamus Dewan: 725). Menyentuh aspek hubungan dalam struktur kekeluargaan, Dasar Keluarga Negara (2016) menyatakan keluarga adalah sebuah unit asas sosial yang membekalkan sumber manusia untuk pembangunan serta menjamin kesinambungan insan sebagai generasi akan datang. Terdahulu, Litman, T. J. (1974) menyatakan keluarga adalah unit asas dalam memelihara kesihatan individu.

Menurut Dunst, Trivette dan Deal (1988) kefungsiannya keluarga didasari kepercayaan bahawa segala masalah boleh diselesaikan melalui kerjasama anggota keluarga. Tanggungjawab penjagaan, perawatan dan pengasuhan anak merupakan kewajipan asas dalam institusi keluarga (Nock, 1992; Zubrick et al, 2000). Dalam lapangan sosiologi, Puspitawati (2013) menjelaskan tujuan keluarga adalah mewujudkan kesejahteraan zahir (fizikal dan ekonomi) dan batin (sosial, psikologi, spiritual dan mental).

Domain kesejahteraan keluarga umumnya adalah meliputi dimensi struktur organisasi keluarga, hubungan interpersonal, status psikologi ibu bapa dan tahap sendiri ibu bapa (Frey, Greenberg dan Fewell, 1989). Menurut Families Australia (2006), kesejahteraan keluarga merangkumi empat elemen utama; pertama, keselamatan fizikal serta kesihatan fizikal dan mental; kedua, sokongan hubungan dalam kalangan ahli keluarga yang memahami kemahiran resolusi konflik yang berkesan, penerapan nilai murni, tradisi bahasa, perkongsian idea, penerimaan sokongan dan dorongan untuk pencapaian keluarga; ketiga, hubungan sosial di luar keluarga dan ke empat; jaminan ekonomi.


Dalam konteks pengurusan kesihatan mental kekeluarga, Iwaniec, D., & Sneddon, H. (2002) menegaskan kemahiran keibubapaan adalah elemen penting dalam menjamin kesejahteraan psikologi dan keyakinan diri anggota keluarga. Huppert, F. A. (2009) menyatakan kejayaan mencapai kesejahteraan psikologi juga amat dipengaruhi tahap kehidupan yang baik dan keupayaan mengurus emosi dengan baik. Tuntasnya, kejayaan pengurusan psikologi kekeluargaan merupakan faktor kejayaan pembangunan institusi kekeluargaan (Eddy, J. M., & Chamberlain, P. 2000; Rapee, R. M. 2012).

Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (2011) menyatakan kesejahteraan keluarga adalah melibatkan pembangunan diri individu dan keluarga yang seimbang dari segi fizikal, kerohanian, ekonomi, sosial dan mental. Laporan ini juga menyatakan kesihatan merupakan domain penting dalam menentukan kesejahteraan keluarga kerana ia dianggap sebagai keperluan asas bagi kesejahteraan keluarga. Oleh itu, World Health Organization (2011) menyatakan maksud kesihatan bukan semata-mata ketiadaan penyakit, bahkan turut meliputi kesejahteraan fizikal, mental dan sosial.

Kesimpulannya, kesejahteraan psikologi dan kesihatan mental anggota sesebuah keluarga amat bergantung kepada kompetensi sokongan sosial yang terbina melalui interaksi interpersonal di dalamnya (Beavers dan Hampson, 1990). Fahrudin (2012) menyatakan institusi keluarga memainkan peranan penting dalam memberi dan menjamin kelestarian kesejahteraan hidup setiap anggota keluarga. Struktur kekeluargaan yang terbina dan diurus dengan baik akan menjadi sebuah unit sosial penting dalam pembangunan masyarakat sesebuah negara (Lestari, S., 2012).

Teladan *Khayr Nisā'* Pemangkin Kelestarian Kesihatan Mental

Berdasarkan kompilasi hadith *Khayr Nisā'* dalam Jadual 1, teladan terbaik wanita terbahagi kepada dua bentuk yang terangkum dalam keperibadian Khadijah bintu Khuwaylid RA dan Maryam bintu 'Imrān RA. Khadijah RA merupakan ikon bagi wanita yang hidup dalam struktur keluarga yang sempurna. Manakala Maryam RA pula merupakan ikon para wanita yang menjalani kehidupan tanpa struktur keluarga yang lengkap. Perkara ini dapat difahami sebagaimana Rajah 1.



Rajah 1. Kombinasi Teladan Ikon *Khayr Nisā'* Dalam Melestarikan Kesehatan Mental Keluarga
Sumber: Analisis Pengkaji

Rajah 1, memaparkan kombinasi enam teladan utama *Khayr Nisā'* yang terdapat pada keperibadian Khadijah RA dan Maryam RA. Berdasarkan kombinasi berkenaan, Maryam RA tidak memiliki teladan menyantuni suami dan kemahiran mengendalikan tunggangan. Sebaliknya, kefungsiannya Khadijah RA memiliki kesemua enam teladan sesuai dengan situasi dan keperluan pada zamannya. Justeru itu, teladan utama yang wajib dimiliki para ibu atau isteri adalah keperibadian mulia, ketekunan dalam beribadah, berhemah mengurus keluarga dan komited dalam mendidik anak.

Menyentuh aspek keperibadian mulia, Maryam RA telah diiktiraf kesuciannya oleh Allah SWT dalam surah *Ālī 'Imrān*: 42, manakala Khadijah RA terkenal sebagai *al-Tāhirah* yang bermaksud wanita yang suci sejak sebelum kedatangan Islam (al-Dhahabī, 1985: 194). Dalam aspek ketekunan beribadah, keperihalannya Maryam RA dirakamkan dalam al-Quran (al-Qurtūbī 1964, 6: 21), manakala kehebatannya Khadijah RA dalam menyantuni suami, ketekunan beribadah dan menguruskan keluarga diriwayatkan dalam hadith (no. 3818) riwayat al-Bukhārī (al-Anṣārī 2005, 7: 120; Al-‘Aynī t.th, 16: 280; al-Kūrānī 2008, 7: 32).

Tuntasnya, keupayaan wanita dalam mengimbangi kelestarian kesehatan mental keluarga akan lebih berkesan apabila didasari keimanan dan ketakwaan. Fitrah kejadian wanita yang hebat menguruskan keluarga mampu ditingkatkan dengan ketekunan dalam beribadah. Selain itu, para ibu atau isteri yang komited memelihara kemuliaan keperibadiannya di samping memelihara maruah dan hak suami akan menghasilkan kesan positif terhadap seluruh institusi keluarga.

Dalam pada itu, sebagai tunjang penyokong suami dan anak-anak, para isteri dan ibu perlu berusaha membina kemahiran mengendalikan kenderaan. Tambahan pula apabila melibatkan golongan ibu tunggal. Kemahiran mengendalikan kenderaan pada masa kini sesuai difahami sebagai keperluan yang menepati agenda pengupayaan wanita dalam Dasar Wanita Negara (1989),

Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (2009) dan Dasar Keluarga Negara (2016).

Secara keseluruhannya, kaum wanita khususnya para ibu dan isteri perlu meyakini kelebihan fitrah kejadian mereka berupaya berfungsi sebagai asas kelestarian kesihatan mental keluarga. Bagi tujuan berkenaan, konsep *Khayr Nisā'* yang terpapar pada keperibadian Maryam RA dan Khadijah RA adalah memadai dijadikan inspirasi pengupayaan diri.

KESIMPULAN

Kajian ini menumpukan penelitian terhadap hadith-hadith dalam *Sunan Sittah* yang memperihalkan teladan *Khayr Nisā'*. Dalam konteks ini Maryam RA dan Khadijah RA merupakan dua ikon *Khayr Nisā'*, dengan kedua-duanya memiliki teladan terbaik dalam dimensi pengurusan kekeluargaan. Kehebatan teladan mereka terbukti berjaya memelihara kesejahteraan psikologi dan kelestarian kesihatan mental keluarga sehingga menjadi tunjang sokongan sosial kejayaan dakwah Nabi 'Isā AS dan Rasulullah SAW. Hasil kajian ini turut mendapati konsep *Khayr Nisā'* dalam *Sunan Sittah* sesuai diaplikasi oleh kaum wanita, khususnya para ibu dan isteri. Justeru itu, kajian ini merupakan suatu sumbangan pemerksaan wanita berdasarkan *fiqh al-Aḥādīth*. Akhirnya, dicadangkan agar wacana berbentuk apresiasi terhadap ketokohan ikon muslimah dalam al-Quran dan hadith diperluaskan dalam usaha memperkasakan kaum wanita pada masa kini.

RUJUKAN

- Abū al-Ḥusayn al-Naysabūrī (1999). *Minnah al-Mun'im fī Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. ed. Ṣafiy al-Raḥmān al-Mubārakfūrī. Riyadh: Dār al-Salām.
- Al-Anṣārī, Zayn al-Dīn Abū Yaḥyā Zakariyya bin Muḥammad bin Aḥmad bin Zakariyya al-Anṣārī. (2005). *Minḥah al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī al-Musammā Tuḥfah al-Bārī*, ed. Sulaymān bin Darī' al-'Āzimī. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- al-'Aynī, Badru al-Dīn. (t.th). *'Umdah al-qārī sharḥ ṣaḥīḥ al-bukhārī*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turath al-'Arabī.
- al-Baghawī. (2000). *Ma'ālim al-tanzīl fī tafsīr al-qurān*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- al-Biqā'ī, Burhān al-Dīn. (2003). *Naẓm al-durar fī tanāsuh al-āyāt wa al-suwar*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bukhārī, Muḥammad Ismā'īl. (2002). *Saḥīḥ al-bukhārī*. ed. Muḥammad Zahīr Nāṣir. T.tp: Dār Tawq al-Najāh.
- al-Dhahabī, Shams al-Dīn bin Aḥmad. (1985). *Siyar 'alām al-nubalā'*. ed. Shu'ayb al-Arnāwūṭ. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.
- al-Kalābādī, Abū Naṣr (1987) *al-Hidāyah wa al-irshād fī m'arifah ahl al-thiqqah wa al-sadād*. ed. 'Abdullah al-Laythī. Beirut: Dār al-M'arifah.
- al-Kirmānī, Shams al-Dīn. (1981). *al-Kawākib al-Dirāry fī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.

- al-Kūrānī, Aḥmad Ismā'īl (2008). *al-Kawthar al-jārī ilā riyāḍ ahādīth al-bukhārī*. ed. Aḥmad 'Izz 'Ināyah. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- al-Nawawī, Muḥyiddīn Yaḥyā Sharaf. (1972) *Sharḥ al-nawawī 'alā muslim*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.
- al-Qāḍī 'Iyāḍ bin Mūsā al-Sibtī (1998). *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim Li al-Qāḍī 'Iyāḍ al-Musammā Ikmāl al-Mu'lim bi Fawā'id Muslim*. ed. Yaḥyā Ismā'īl. Mesir: Dār al-Wafā'.
- al-Qārī, Mullā 'Alī Muḥammad. (2002). *Mirqāt al-mafātīḥ sharḥ mishkāṭ al-maṣābīḥ*. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Qaṣṭalānī, Shihāb al-Dīn. (1904). *Irshād al-sārī li sharḥi ṣaḥīḥ al-bukhārī*. Mesir: al-Maṭba'ah al-Kubrā al-Amīriyyah.
- al-Qurṭubī, Shamsu al-Dīn. (1964). *Al-Jāmi' Li Aḥkām al-Qurān*. ed. Aḥmad al-Bardūnī dan Ibrāhīm aṭfish. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- al-S'ādī, 'Abd al-Raḥmān. (2000). *Taysīr al-karīm al-raḥmān fi tafsīr kalām al-mannān*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- al-Shāmī, Muḥammad Yusuf. (1993). *Subul al-hudā wa al-rashād fi sīrah khayri al-'ibād*. ed. 'Ādil 'Abd al-Mawjūd. Beirut: Dār al-Kutub al-'ilmiyyah.
- al-Shaybānī, Yaḥyā bin Muḥammad. (1997). *Al-Ifṣāḥ 'An Ma'ānī al-Ṣiḥḥah*. Ed. Fu'ad 'Abd al-Mun'im. T.tp: Dār al-Waṭan.
- al-Ṭabarī, Muḥammad Jarīr. (1939). *al-muntakhab min dhayl al-madhīl min tārikh al-ṣaḥābah wa al-tābi'īn*. Beirut: Mu'assasah al-'Alāmī Li al-Maṭbū'āt.
- al-Ṭabarī, Muḥammad Jarīr. (2000). *Jām'i al-bayān fi ta'wīl al-qurān*. ed. Aḥmad Muḥammad Shākir. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Zuhaylī, Wahbah bin Muṣṭafā. (1998). *al-Tafsīr al-Munīr Fī al-'Aqīdah wa al-Sharī'ah wa al-Manhaj*. Damsyiq: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir.
- Baruch, G. K., Biener, L., & Barnett, R. C. (1987). Women and gender in research on work and family stress. *American Psychologist*, 42(2), 130–136.
- Beavers, W. R., & Hampson, R. B. (1990). *Successful families: Assessment and intervention*. New York: WW Norton & Co.
- Curimbaba, F. (2002). The dynamics of women's roles as family business managers. *Family Business Review*, 15(3), 239-252.
- Diener, E., et. al. (2010). New well-being measures: Short scales to assess flourishing and positive and negative feelings. *Social indicators research*, 97(2), 143-156.
- Dunst, C. J., Trivette, C. M. , & Deal, A.G. (1988). *Supporting and strengthening families: Methods, strategies and practice*. Cambridge, MA: Brookline Books.
- Eddy, J. M., & Chamberlain, P. (2000). Family management and deviant peer association as mediators of the impact of treatment condition on youth antisocial behavior. *Journal of Consulting and Clinical Psychology*, 68(5), 857.
- Fahrudin, A. (2012). Keberfungsian keluarga: Konsep dan indikator pengukuran dalam penelitian. *Sosio Informa*, 17 (2).

- Families Australia (2006). Family wellbeing in Australia: A Families Australia vision. Retrieved May 10, 2010 from <http://www.familiesaustralia.org.au/publications/pubs/policy-familywellbeing.pdf>.
- Forgeard, M. J., et. al. (2011). Doing the right thing: Measuring wellbeing for public policy. *International journal of wellbeing*, 1(1).
- Frey, K, Greenberg, M. & Fewell, R R. (1989). Stress and coping among parents of exceptional children: A multidimensional approach. *American Journal on Mental Retardation*, 94, 240-249.
- Galderisi, S., et. al. (2015). Toward a new definition of mental health. *World Psychiatry*, 14(2), 231.
- Huppert, F. A. (2009). Psychological well-being: Evidence regarding its causes and consequences. *Applied Psychology: Health and Well-Being*, 1(2), 137-164.
- Ibn 'Asākir, 'Abd al-Raḥmān Muḥammad. (1985). *Kitāb al-arba 'in fī manāqib ummahāt al-mu'minīn raḥmah allah 'alayhin ajma 'in*. ed. Muḥammad Muṭ'ī al-Hāfiz. Damsyiq: Dār al-Fikr.
- Ibn Baṭṭāl, 'Alī Khalaf (2003) *Sharḥ ṣaḥīḥ al-bukhārī li ibni baṭṭāl*. ed. Yāsir bin Ibrāhīm. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Ibn Manzūr, Muḥammad Mukarram 'Alī. (1994). *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār al-Šādir.
- Iwaniec, D., & Sneddon, H. (2002). The quality of parenting of individuals who had failed to thrive as children. *British Journal of Social Work*, 32(3), 283-298.
- Keyes, C. L. M., & Waterman, M. B. (2003). *Dimensions of well-being and mental health in adulthood*. In M. H. Bornstein, L. Davidson, C. L. M. Keyes, & K. A. Moore (Eds.), *Crosscurrents in contemporary psychology. Well-being: Positive development across the life course* (p. 477-497). Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Kim, Y. H. (2003). Correlation of mental health problems with psychological constructs in adolescence: Final results from a 2-year study. *International journal of nursing studies*, 40(2), 115-124.
- Kobau, R., et. al. (2011). Mental health promotion in public health: Perspectives and strategies from positive psychology. *American journal of public health*, 101(8), e1-e9.
- Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara. (2011). *Laporan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat.
- Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara. (2016). *Dasar Keluarga Negara*. Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat.
- Lestari, S. (2012). *Psikologi keluarga: Penanaman nilai dan penanganan konflik dalam keluarga*. Jakarta: Kencana.
- Litman, T. J. (1974). The family as a basic unit in health and medical care: A social-behavioral overview. *Social Science & Medicine* (1967), 8(9-10), 495-519.

- McGoldrick, M., Anderson, C. M., & Walsh, F. (eds.). (1991). *Women in families: A framework for family therapy*. WW Norton & Company.
- Mūsā Shahīn. (2002). *Fath al-mun'im syarh sahīh muslim*. T.tp: Dār al-Shurūq.
- Nock, S. L. (1992). *Sociology of the family (2nd Edition)*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- O'Brien, K. M. (1996). The influence of psychological separation and parental attachment on the career development of adolescent women. *Journal of Vocational Behavior*, 48(3), 257-274.
- Puspitawati, H. (2013). Konsep dan teori keluarga. *Departemen Ilmu Keluarga dan Konsumen Fakultas Ekologi Manusia-Institut Pertanian Bogo*
Diakses di: [http://ikk.fema.ipb.ac.id/v2/imag es/karyailmiah/teori.Pdf](http://ikk.fema.ipb.ac.id/v2/imag/es/karyailmiah/teori.Pdf)
- Tilly, L., & Scott, J. W. (1989). *Women, work, and family*. Psychology Press.
- World Health Organization. (2001). The World Health Report 2001: Mental health: new understanding, new hope.
- World Health Organization. (2018). Mental health: strengthening our response. Fact sheet. *World Health Organization*.
- Zubrick, S.R., et. al. (2000). Indicators of social and family functioning. Di akses pada May 10, 2010 from http://www.fahcsia.gov.au/sa/families/pubs/familiesisff/Documents/full_report.pdf.